

# Dr. M: Antartika benua indah dan menakjubkan

UM 10 FEB 2002

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan lawatannya ke Antartika sebagai 'amat berhasil' dan 'sekali dalam seumur hidup' bagi beliau.

Ketika bercakap dalam temubual dengan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik melalui telefon satelit dari Antartika, Dr. Mahathir berkata, beliau terlepas peluang untuk sambutan Tahun Baru Cina dan menyambut Hari Raya Aidil Adha kerana melawat ke Kutub Selatan.

"Ini adalah satu-satunya peluang bagi saya untuk datang ke sini dan saya fikir saya tidak berpeluang lagi untuk membuat lawatan ke Antartika selepas ini," kata beliau dalam temubual itu yang dikendalikan oleh Astro bagi program khas yang disiarkan oleh Radio Era malam ini.

## ● Rencana keajaiban Antartika — Muka 34

Program itu yang dikendalikan oleh deejay Roland Lee, merakamkan perbualan selama 10 minit antara Dr. Mahathir dan Dr. Ling, yang juga Presiden MCA di stesen radio itu di sini.

Dr. Mahathir, yang sedang bercuti diiringi oleh isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak. Mereka bertolak ke Antartika dengan menaiki kapal pemecah air batu Rusia, *Kapitan Dranitsyn* dari Ushuaia, Argentina.

Dr. Mahathir menyifatkan Antartika sebagai tempat yang sejuk dan indah.

Beliau berkata, mereka semalam mendarat di stesen yang dikendalikan oleh kerajaan

Antartika, yang sekarang telah ditinggalkan kerana mereka tidak lagi menjalankan penyelidikan di sana buat beberapa ketika.

"Kami juga menaiki bot kecil melayari tungkul-tungkul air batu kecil di sana untuk menikmati keindahan benua yang menakjubkan ini," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, walaupun bercuti, mereka diberi penerangan oleh para saintis Malaysia mengenai apa yang mereka jalankan di sana.